



Universiti Teknologi Mara
Cawangan Sarawak

Kampus Samarahan

Fakulti Pentadbiran & Undang-Undang

**KESAN FAKTOR PENGALAMAN DALAM PENGGUNAAN
AUTOMASI SISTEM MAKLUMAT PEJABAT KE ATAS PRESTASI
KERJA PEKERJA DI MALAYSIA AIRPORTS SENDIRIAN BERHAD,
LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA KUCHING, SARAWAK**

Ertini Bt Jailin (98514608)
Rashidah Bt Abdul Kadir (98515014)
Mulyani Bt Nong Che' (98514727)
Amanah Bt Lemah (98515060)
Diploma Pentadbiran Awam
Universiti Teknologi MARA
2003

Abstrak

Pada umumnya, kajian ini mengkaji kesan penggunaan Sistem Maklumat Pejabat ke atas prestasi pekerja-pekerja di Malaysia Airports Sendirian Berhad, Cawangan Kuching, Sarawak. Kajian ini juga mengenal pasti ciri-ciri demografi ke atas prestasi kerja dengan berpandukan kepada faktor pengalaman dalam penggunaan pengautomasian pejabat. Prestasi kerja diukur berdasarkan 05 elemen dalam dimensi kerja iaitu kepelbagaian kemahiran, autonomi, identiti tugas, kepentingan tugas dan maklumbalas. Responden kajian ini terdiri daripada 41 orang pekerja iaitu para eksekutif, kerani dan setiausaha yang menggunakan sistem pengautomasian pejabat. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini telah diubahsuai dari Job Diagnostic Survey (JDS) oleh Hackman dan Oldham (1980) untuk mengutip data. Ujian-t sampel bebas dan ANOVA sehalu digunakan untuk mengkaji perbezaan elemen-elemen dimensi kerja berdasarkan faktor demografi iaitu jantina dan umur. Manakala kolerasi Pearson digunakan untuk melihat hubungan antara faktor pengalaman menggunakan komputer dengan tahap prestasi kerja. Secara umumnya, faktor pengalaman dalam penggunaan automasi sistem maklumat pejabat mendatangkan kesan yang pelbagai ke atas prestasi kerja. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa faktor pengalaman mendatangkan kesan paling ketara ke atas kepelbagaian kemahiran. Identiti tugas pekerja juga didapati meningkat kerana automasi sistem maklumat pekerja membolehkan mereka menyiapkan keseluruhan tugas dengan cepat dan efisien. Automasi sistem maklumat pejabat didapati mampu memudahkan komunikasi antara pekerja namun kelancaran maklumbalas tidak dipengaruhi oleh faktor pengalaman dalam penggunaan automasi sistem maklumat pejabat yang berkaitan dengan prestasi kerja.

ISIKANDUNGAN

BIL. PERKARA

MUKA SURAT

Pengesahan Status Projek	i
Pengesahan Penyelia	ii
Penghargaan	iii
Abstrak	iv
Lampiran A , Anggaran Perbelanjaan Penyelidikan	v
Senarai Jadual	vi
Senarai Rajah	vii
Isikandungan	viii - xii

BAB SATU PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan	1 - 2
a) ESS (Executive Support System)	3
b) DSS (Decision Support System)	3
c) MSS (Management Information System)	3
d) KWS (Knowledge Work System)	3 - 4
e) OAS (Office Automated System)	4
1.1 Pernyataan Masalah	5 - 7
1.2 Objektif Kajian	7
1.3 Hipotesis Kajian	8
1.4 Kepentingan Kajian	8 - 9
1.5 Batasan Kajian	9 - 10
1.6 Definisi Istilah	10
i) Aplikasi R/3	11 - 12
ii) Aplikasi Kewangan	12
iii) Aplikasi Sumber Manusia	12
iv) Aplikasi Logistik	13
1.6.1 Pengalaman dalam penggunaan sistem maklumat berkomputer	14

1.0 Pengenalan

Teknologi maklumat merupakan salah satu kunci dalam membuat keputusan. Kemampuan masyarakat dibentuk oleh maklumat yang dihasilkan dan maklumat juga yang menentukan penilaian kita terhadap sesuatu perkara berdasarkan pengalaman yang telah kita terima dan pelajari. Revolusi teknologi maklumat bertanggungjawab memajukan sistem rangkaian pengkomputeran yang mempunyai implikasi yang besar terhadap kemajuan sesebuah negara. Perubahan teknologi secara dramatik telah mengubah pemikiran dan tingkah laku bekerja. Secara tidak langsungnya, perubahan tersebut mengubah dasar dan struktur organisasi serta fungsi-fungsi pengurusan. (Michael J. M., Greg K.; 1999)

Pengalaman dalam penggunaan komputer dalam masyarakat mempunyai tahap kepakaran yang berbeza-beza iaitu hampir meliputi semua bidang teknologi. Penggunaan komputer berkeupayaan mempertingkatkan prestasi kerja dan produktiviti secara berkesan sekiranya dilaksanakan mengikut kesesuaian dan ketepatan pengalaman yang ada. Ia adalah perlu bagi mengelakkan wujudnya tekanan kerja. Keselarian suasana kerja (budaya) dan sistem yang dilaksanakan juga perlu diambil kira.

Dalam menuju era maklumat, penggunaan komputer di kalangan pekerja-pekerja oleh sesebuah organisasi adalah perlu bagi meningkatkan daya saing organisasi dalam menempuh cabaran-cabaran era tahun 2003 yang lebih berautomatisasi sistem *cyber* dan internet pada masa akan datang. Pekerja-pekerja harus dibekalkan dengan pengalaman, kemahiran dan pemahaman asas tentang penggunaan dan fungsi komputer. Ini bertujuan agar pekerja akan celik komputer dalam usaha membina tenaga kerja yang penuh dengan ilmu dan berwibawa tinggi bagi melicinkan pelaksanaan tugas dan kerja yang dilakukan.

2.0 Pengenalan

Bahagian ini membincangkan ulasan penulis-penulis terdahulu berkaitan dengan sistem maklumat berkomputer, teori-teori berkaitan kesan teknologi maklumat, pengalaman-pengalaman dalam penggunaan komputer dan kesannya ke atas prestasi kerja. Hasil daripada ulasan teori dan kajian lepas, satu kerangka konseptual telah dibina bagi menerangkan secara jelas perkaitan di antara faktor pengalaman dalam penggunaan Automasi Sistem Maklumat Pejabat dengan prestasi kerja. Disenaraikan juga ciri-ciri demografi yang bertindak sebagai faktor sampingan dalam mengkaji hubungan antara pembolehubah prestasi kerja keseluruhan dengan ciri demografi.

2.1 Automasi Sistem Maklumat Pejabat

Beberapa kajian yang terdahulu telah dibuat berhubung dengan penggunaan teknologi pengautomasian pejabat yang berkait rapat dengan era teknologi komputer. Era 1990-an menunjukkan perkembangan pesat industri komputer di Malaysia. Laporan kajian Ng (1994) menerangkan bahawa kadar perkembangan industri ini ialah sebanyak 30% pada tahun 1991. Beliau juga berpendapat bahawa kemasukan teknologi berkomputer tertumpu kepada penggunaan di pejabat dan sektor perkhidmatan adalah pengguna terbesar komputer di negara ini. Kebanyakan pengguna terakhir ialah pekerja pejabat dan dikuasai oleh golongan wanita.

Menurut Zaini (1989) pula, Sistem Automasi Maklumat Pejabat merupakan anjakan dalam era berteknologi di mana suatu aktiviti yang berterusan dan dinamik wujud di kalangan pengguna-pengguna komputer. Secara ringkasnya, penggunaan sistem tersebut adalah untuk menampung perubahan-perubahan di dalam organisasi dan di kalangan kakitangan.